

MBW & WBHR
lwn
BAITULMAL SELANGOR

[Mahkamah Rayuan Syariah Shah Alam di Negeri Selangor. Kes Rayuan No.: 10000-044-0019-2015 (YAA Dato' Haji Hussin bin Hj. Harun (Pengerusi), YA Dato' Hj. Yusof bin Musa (Ahli Panel), YA Dato' Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim (Ahli Panel)]

[01 Rejab 1437H bersamaan 08 April 2016]

Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam – Rayuan – Permohonan Bagi Membuat Pengesahan Hibah Ditolak Oleh Mahkamah – Kecacatan Pada Salah Satu Rukun Hibah — Sama Ada Yang Arif Hakim Bicara Telah Terkhilaf Dari Segi Hukum Syarak Dan Undang-Undang Apabila Menolak Permohonan Perayu Di Atas Alasan Tidak Sempurna Pemilikan (*Al-Qabd*) Bertepatan Dengan Undang-Undang Dan Hukum Syarak - Seksyen 61(3)(B)(Vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Fakta kes

[1] Pada 18 Mac 2011, Perayu 1 dan Perayu 2 telah menfailkan kes Pengesahan Hibah melalui saman No.: 10100-044-0104-2011 di Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam, Selangor.

[2] Ketika prosiding Pengesahan Hibah berjalan, Perayu 1 dan Perayu 2 telah membuat Permohonan Faraid terhadap harta si mati RBTA (penghibah) dan pada 16 Julai 2012, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di Shah Alam telah memberikan perintah seperti berikut:

- a) *Mengikut kuasa yang diberi oleh Seksyen 65 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 maka dibawah ini diperuntukkan faraid mengikut Hukum Syarak atau harta pusaka si mati tersebut di atas yang telah diminta oleh WBR:*

- i. WBR (Suami) 1/4
- ii. Anak 3/4 (Anak Lelaki) atau
2/4 (Anak Perempuan)
- iii. Baitul Mal 1/4

b) Bahagian waris si mati yang lain diserahkan kepada Baitul Mal untuk mentadbir, mengurus, dan mengesannya. Baitul Mal berhak mendapat $\frac{1}{4}$ sekiranya anak si mati adalah perempuan, sekiranya si mati adalah lelaki, Baitul Mal tidak mendapat apa-apa bahagian.

[3] Seterusnya pada 09 September 2014, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di Shah Alam dalam kes Mal No.: 10100-044-0104-2011 telah memutuskan kes Pengesahan Hibah harta tak alih sebidang tanah yang dipegang di bawah No. Hakmilik GM 2877, Lot 2120, Batu 14, Tanjung Dua Belas Road, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan yang dibuat oleh RBTA kepada Perayu 1 adalah tidak sah.

[4] Perintah Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam dalam kes Mal No: 10100-044-0104-2011 adalah seperti berikut:

a. Mahkamah memutuskan bahawa Tuntutan Plaintiff untuk mendapatkan pengisytiharan Hibah terhadap harta tak alih sebidang tanah yang dipegang di bawah No. Hakmilik GM 2877, Lot 2120, Batu 14, Tanjung Dua Belas Road, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan adalah tidak sabit dan ditolak oleh Mahkamah.

b. Kos ditanggung oleh pihak-pihak.

[5] Pada 18 September 2014 Perayu 1 dan Perayu 2 telah menfailkan Notis Rayuan ke Mahkamah Rayuan Selangor bagi membuat rayuan terhadap keputusan/Perintah Mahkamah Tinggi Syariah tersebut.

[6] Pada 24 Februari 2015 Perayu 1 dan perayu 2 telah memasukkan Petisyen Rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah Selangor di Shah Alam yang mengandungi satu (1) alasan

bagi maksud rayuan terhadap Keputusan/Perintah Mahkamah Tinggi Syariah Selangor tersebut iaitu:

- i. Bahawa Yang Arif Hakim Bicara telah terkhilaf dari segi Hukum Syarak dan Undang-undang apabila menolak permohonan Perayu di atas alasan tidak sempurna pemilikan (*al-Qabd*) sedangkan dalam keterangan Perayu Pertama disokong oleh SP1 secara konsisten bahawa telah wujud pemilikan (*al- Qabd*) apabila Pihak Perayu telah membina rumah di atas sebahagian daripada tanah yang dihibahkan tersebut dan juga membenarkan Perayu Kedua mengambil hasil daripada sawit di atas tanah tersebut.

Diputuskan

Setelah membaca dan meneliti Notis Rayuan Perayu, Alasan-Alasan Rayuan Perayu, Hujah Bertulis Perayu, Hujah Balas Bertulis Responden dan Jawapan Bertulis Kepada Hujah Balas Responden oleh Perayu, MAKA kami sebulat suara memutuskan seperti berikut:

- (1) Rayuan Perayu ditolak.
- (2) Perintah Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor bagi kes Mal No: 10100-044-0104-2011 dibatalkan.
- (3) Kes Mal No: 10100-044-0104-2011 diperintahkan dibicarakan semula di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.

Peguam Syarie

1. Perayu 1 & 2 : *diwakili oleh Dato' Mohd Zaidi Bin Haji Mohd Zain dari Tetuan Zaidi Zain & Associates.*
2. Responden : *diwakili oleh Encik Fahimi Bin Mahamad Madani, Peguam Syarie, Majlis Agama Islam Selangor.*

Hadis yang dirujuk

1. Kitab al-Ihsan Fi Taaqrib Sahih Ibnu Hibban. Cetakan Muassasah al-Risalah. Jld. 11, Kitab al-Hibah-5114.

Undang-undang yang dirujuk

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 - sp. 61(3)(b)(vi).

Kitab yang dirujuk

1. Mughni al-Mukhtaj oleh al-Syarbini, Jilid 3, hlm 565.

Kes-kes yang dirujuk

1. Kamsiah Binti Yusof lwn Latifah binti Yusof dan Tiga Yang Lain [2009] 27(2) JH 244-245

Penghakiman YAA Dato' Haji Hussin bin Hj. Harun (Pengerusi), YA Dato' Hj. Yusof bin Musa (Ahli Panel), YA Dato' Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim (Ahli Panel), HMRys.

- [7] Kami mendapati isu yang menjadi persoalan dalam rayuan ini adalah isu *al-Qabd* yang tidak sempurna. Isu *al-Qabd* yang tidak sempurna adalah merupakan alasan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor menolak permohonan pengesahan Hibah Perayu 1 dan Perayu 2.
- [8] Dalam kes ini Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah mendapati bahawa kesemua rukun Hibah (Pemberi, Penerima, Harta Hibah dan Akad) telah wujud dan sempurna. Namun demikian Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah mendapati “Penerimaan Barang” atau *al-Qabd* tidak berlaku dengan sempurna kerana “pemilikan” dalam bahagian tanah tersebut tidak ditukarmilik/pindahmilik tidak berlaku dan keterangan-keterangan lain bagi membuktikan berlakunya *al-Qabd* terhadap harta yang dihibah tidak lengkap atau sempurna.
- [9] Dalam kes ini kami mendapati bahawa Penghibah RBTA telah melafazkan Hibahnya kepada Perayu 1 pada 16hb Disember 2007 dan meninggal dunia pada 06 Disember 2010 (ketika usia 59 Tahun). Penghibah tidak membuat pemindahan hak milik tanah bahagiannya dalam tempoh lafaz hibahnya kepada Perayu sehinggalah beliau meninggal dunia iaitu hampir tiga (3) tahun selepas beliau melafazkan lafaz Hibah tersebut.
- [10] Perayu 1 pula tidak pernah berusaha untuk menukar hak milik bahagian tanah penghibah kepadanya dengan alasan tidak sampai hati untuk tukar nama dari

Penghibah kepadanya dengan alasan Penghibah tidak sihat. Namun demikian saksi Pertama Perayu, mengatakan Penghibah tidak berapa tua dan mampu ke Pejabat Tanah jika dibawa untuk menukar hak milik tanah tersebut.

- [11] Tanah tersebut pada asalnya adalah milik WBHR (Perayu 2) yang telah dihibahkan kepada RBTA dengan sempurna iaitu tanah tersebut telah pun dibuat pemindahan hakmilik berdaftar dari nama WBHR kepada RBTA. RBTA adalah isteri kepada WBHR, manakala MBW adalah anak tiri kepada RBTA. RBTA dikatakan mempunyai seorang anak yang tidak diketahui berada di mana dan tidak diketahui jantintanya.
- [12] Seterusnya, Perayu 1 juga tidak pernah berbuat apa-apa di atas tanah tersebut bagi menunjukkan penguasaan perayu ke atas tanah tersebut. Hasil tanaman sawit di atas tanah tersebut pula telah di ambil oleh Perayu 2 manakala cukai tanah tersebut dibayar oleh adik Perayu 1 yang bernama JBW yang merupakan pemilik $\frac{1}{2}$ bahagian pada lot tanah tersebut.
- [13] Dalam muka surat 75 Rekod Rayuan dan muka surat 75 Rekod Rayuan Pindaan ada menyatakan bahawa Perayu berkata *“Ya, ayah dan arwah emak dapat hasil kelapa sawit. Saya tidak ambil hasil kelapa sawit tersebut”*. Perayu 1 juga ada menyatakan dalam keterangannya bahawa *“Semenjak buat hibah dan setelah meninggal tidak pernah buat apa-apa pada tanah ini. Cukai tanah dibayar oleh adik saya Jxx”*.
- [14] Seterusnya dalam muka surat 76 Rekod Rayuan dan muka surat 76 Rekod Rayuan Pindaan ada menyatakan bahawa Perayu berkata *“Saya buat rumah di tanah yang lain, rumah adik saya, Rxx. Rumah persinggahan sahaja. Saya tidak ambil hasil dari kelapa sawit itu”*.
- [15] Dalam muka surat 79 Rekod Rayuan dan muka surat 79 Rekod Rayuan Pindaan pula menyatakan bahawa Saksi Perayu Pertama (Puan MBW) iaitu adik kepada Perayu 1 berkata *“Ya, hasil diambil oleh bapa saya. Plaintiff tak pernah ambil. Sampai sekarang bapa saya masih pegang hasil. Saya setuju rumah tersebut dibuat atas tanah adik saya. Rumah dibuat dalam tahun 2008. Mula diduduk tahun 2010”*.

- [16] Kami mendapati sepanjang prosiding perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Perayu 2 tidak pernah memberikan keterangannya di Mahkamah dan tiada rekod keterangan yang menunjukkan Perayu 2 ada memberikan keterangan di Mahkamah.
- [17] Pada 11 Januari 2016, Mahkamah Rayuan ini telah mengarahkan Peguam Perayu membantu Mahkamah untuk mendapatkan keterangan secara bertulis (affidavit) Perayu 2. Arahan Mahkamah tersebut bertujuan untuk mendapatkan keterangan daripada Perayu 2 berkaitan pengetahuannya tentang hibah tersebut yang mana Perayu 2 tidak pernah memberikan keterangannya ketika perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah. Perayu telah menandatangani affidavit yang telah disediakan oleh Peguam Perayu di hadapan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 2hb Mac 2016.
- [18] Berdasarkan keterangan berafidavit Perayu 2, pada perenggan 6 Affidavit, Perayu 2 ada menyatakan bahawa Perayu 1 telah membina sebuah rumah di atas sebahagian daripada tanah yang dihibahkan tersebut.
- [19] Perayu 2 juga ada menyatakan pada perenggan 15 affidavitsnya bahawa *“Saya telah meminta izin daripada Mxx untuk mengambil hasil sawit daripada tanah tersebut pada setiap kali tuaian buah dan Mxx juga telah membina sebuah rumah di atas tanah tersebut yang menunjukkan bahawa beliau telah menguasai tanah tersebut”*.
- [20] Namun demikian, Responden atas inisiatifnya sendiri telah menyediakan kepada Mahkamah ini satu “Laporan Siasatan ke atas Perayu 2”, dan laporan tersebut telah juga membawa kepada penemuan keterangan-keterangan yang baru dan keterangan-keterangan Perayu 2 yang bercanggah dengan affidavitsnya sendiri.
- [21] *Al-Qabd* (penerimaan barang) bermaksud mendapat sesuatu, menguasainya dan boleh melakukan tasarruf terhadap barang atau harta tersebut. Mengikut mazhab Hanbali dan Maliki, penerimaan barang tidak disyaratkan dalam sesuatu hibah, malah memadai dengan akad semata-mata. Ini bererti apabila berlaku kematian salah seseorang atau salah satu pihak sama ada pemberi hibah atau penerima hibah sebelum

penyerahan barang, maka hibah itu tidak terbatal. Sebaliknya, mengikut Abu Hanifah dan Syafie, penerimaan barang merupakan salah satu syarat sah hibah. Oleh itu, apabila berlaku kematian salah satu dari dua pihak sebelum penyerahan barang, maka hibah itu terbatal.

[22] Menurut Mazhab al-Syafie *al-Qabd* merupakan syarat luzum, ertinya akad hibah tidak sempurna dan tidak berkuatkuasa dengan ijab dan qabul, kecuali selepas *al-Qabd*. Jika sekiranya *al-Qabd* tidak berlaku maka akad hibah merupakan akad yang tidak mengikat. Pemberi Hibah berhak menarik balik hibah tersebut selama mana harta tersebut berada dalam pemilikannya.

[23] Keperluan kepada *al-Qabd* ini ada dinyatakan dalam kitab Mughni al-Mukhtaj oleh al-Syarbini, Jilid 3, hlm 565:

“Tidak dimiliki barang yang diberi dengan cara hibah yang sah bukan hibah dhamani (iaitu hibah barang yang dijamin) dan hibah yang diberi pahala meliputi pahala hadiah dan sedekah, melainkan dengan pegangan atau penguasaan, maka barang hibah itu tidak dimiliki dengan akad semata-mata. Dan hendaklah pegangan atau penguasaan itu dibuat dengan izin pemberi hibah.”

[24] Bagi memastikan akad hibah itu sempurna dan menjadi satu akad yang mengikat, maka *al-Qabd* tertakluk kepada syarat-syarat berikut;

- i. mendapat kebenaran dan keizinan pemberi hibah secara sarih;
- ii. *harta yang dihibah tidak bercampur dengan harta lain*; dan
- iii. penerima hibah berkeahlian iaitu baligh dan berakal. Bagi kanak-kanak dan orang gila, walinya boleh menerima harta hibah itu.

[25] Cara penerimaan barang (*al-Qabd*) adalah berbeza-beza mengikut jenis harta sama ada harta tak alih atau harta alih. Bagi harta tak alih, *al-Qabd* boleh berlaku dengan cara mengosongkan harta itu, menguasainya dan melakukan tasarruf terhadap harta tersebut seperti menyerahkan kunci dan seumpamanya. Manakala bagi harta alih pula,

al-Qabd boleh berlaku dengan cara mengambil harta itu, memindah atau mengasingkan harta tersebut dengan harta-harta lain.

[26] Oleh yang demikian kami mendapati Perayu gagal membuktikan secukupnya kepada Mahkamah berlakunya *al-Qabd* terhadap harta yang telah dihibahkan oleh RBTA kepadanya.

[27] Kami berpendapat kes *Kamsiah Binti Yusof lwn Latifah binti Yusof dan Tiga Yang Lain [2009] 27(2) JH 244-245* wajar menjadi panduan yang mana Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi ada menyatakan:

“Mendiami rumah tersebut semata-mata tidaklah bermakna menguasai rumah itu. Tidak ada keterangan bahawa Plaintiff menguasai seperti membaiki, membina semula, mengubah suai, mengecat atau meminda dari yang asal, kerana menguasai bermakna Plaintiff berhak melakukan sesuatu tanpa halangan orang lain. Jika Plaintiff tidak boleh melakukan perkara-perkara tersebut semasa si mati masih hidup, bermakna Plaintiff tidak menguasai rumah tersebut dan melakukan tasarruf.... Qarinah yang lebih jelas ialah penukaran hak milik tidak dibuat selepas kematian arwah Yusof bin Hassan (si mati) sedangkan jika rumah tersebut milik Plaintiff, tidak ada apa yang menghalang Plaintiff, sama ada rasa malu atau hormat kepada ibu palintif... Penukaran hakmilik atau menyuarakan hasrat untuk menukar hak milik secara terbuka kepada arwah ibu dan adik beradik yang lain adalah qarinah jelas bahawa Plaintiff berkuasa terhadap rumah itu, tetapi hal ini tidak berlaku....”

[28] Seterusnya kami berpendapat kontrak hibah tidak sempurna dan tidak berkuatkuasa hanya melalui penawaran dan persetujuan (ijab dan qabul) sahaja. Malah, kontrak tersebut dianggap tidak dikuatkuasakan jika dilihat dari aspek pemberi hibah. Oleh itu, dia boleh menarik balik hibah tersebut dan menggunakannya berdasarkan kemahuannya, selagi hibah tersebut masih berada di tangannya. Dengan ini, hak milik penerima masih belum disahkan kecuali setelah dia menerima barang/harta hibah tersebut.

[29] Pemberian Hibah akan sempurna dan berkuatkuasa hanya apabila hibah tersebut diterima dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Setelah itu, hak milik hibah tersebut

menjadi hak penerima. Hujah hibah tidak berpindah hak milik kecuali setelah diterima adalah seperti berikut:

Hadith riwayat al-Hakim dengan sanad yang sahih menurutnya;

Ketika Rasulullah s.a.w. mengahwini Ummu Salamah r.a Baginda bersabda kepadanya: “Saya hadiahkan kepada Najashi beberapa auns minyak kasturi dan perhiasan tetapi saya merasakan dia telah meninggal dunia. Saya juga merasakan hadiah yang saya berikan kepadanya ini akan dipulangkan. Apabila hadiah itu dipulangkan kepada saya, ia akan menjadi hak engkau atau hak kamu semua”.

- [30] Akhirnya berlaku sebagaimana yang disabdakan oleh Baginda, Najashi itu meninggal dunia. Apabila hadiah tersebut dipulangkan, Baginda memberikan setiap isterinya satu auns minyak kasturi dan selebihnya diberikan kepada Ummu Salamah. Sementara perhiasan tadi diberikan kepada Ummu Salamah.
- [31] Jika kontrak hibah ini (begitu juga dengan hadiah) berkuatkuasa sebelum penerimaan, sudah tentu Nabi Muhammad s.a.w tidak bersetuju menerimanya semula. Sudah tentu Baginda akan menyerahkan kepada waris Najashi kerana ketika itu ia menjadi sebahagian pusaka. Dengan penerimaan semula oleh Nabi s.a.w. ini, menunjukkan hak milik hibah ini bukan milik penerima sebelum dia menerimanya.
- [32] Setelah kami meneliti keterangan Perayu 2 berafidavit yang ditandatangani pada 15 Mac 2016 dan setelah kami meneliti Laporan Siasatan ke Atas Perayu 2 yang dibuat oleh Responden yang dikemukakan kepada kami pada 03 Mac 2013, kami mendapati ianya telah menimbulkan lebih banyak kekeliruan terhadap fakta berkaitan isu *Qabd* dalam kes ini. Kami juga mendapati berdasarkan Rekod Rayuan bahawa isu *Qabd* tidak dibuktikan oleh Perayu 1 dengan sewajarnya kerana tidak mengemukakan keterangan yang mencukupi.

KEPUTUSAN

Setelah membaca dan meneliti Notis Rayuan Perayu, Alasan-Alasan Rayuan Perayu, Hujah Bertulis Perayu, Hujah Balas Bertulis Responden dan Jawapan Bertulis Kepada Hujah Balas Responden oleh Perayu, MAKA kami sebulat suara memutuskan seperti berikut:

- (1) Rayuan Perayu ditolak.
- (2) Perintah Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor bagi kes Mal No: 10100-044-0104-2011 dibatalkan.
- (3) Kes Mal No: 10100-044-0104-2011 diperintahkan dibicarakan semula di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.